



Amalan budaya di Malaysia yang dikaitkan dengan sunnah: analisis terhadap aspek pemakanan dan pengubatan

[The cultural practices related to sunnah in Malaysia: an analysis on eating and medical aspects]

Khadher Ahmad* & Ibrahim Adham Mohd Rokhibi

Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Khadher Ahmad. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Malaysia. e-Mail: khadher82@um.edu.my. Telp.: +60193275451, ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0001-5181-0183>.

Keywords:

Sunnah Practice, Culture, Islamic Society, Hadith, Malaysia.

ABSTRACT

The cultural practices in the Muslim community in Malaysia are diverse and part of it are similar to the Sunnah as practiced by the Prophet PBUH. The term 'Sunnah' refers to something taken from the Prophet PBUH. This article aims to examine and study some of the cultural practices in the Muslim community in Malaysia that are related to or similar to the Sunnah as suggested by the Prophet PBUH. Through inductive and deductive analysis, the assessment of the cultural practices on eating and medical aspects are made out by understanding and discussing the relevant hadith. The study shows that the cultural practices in the aspects of eating are 'kenduri' culture or food feeding and issues on prophetic foods. Whereas in the aspect of medical, the practice of culture is the use of incantation (ruqyah), the use of medicinal substances such as water, jujube leaves and salt in the treatment of diseases. It is undeniable that although it has become the cultural practices, for as long as it does not violate the Islamic law, the practices are not prohibited and permissible to be practiced.

Kata Kunci:

Amalan Sunnah, Budaya, Masyarakat Islam, Hadis, Malaysia.

ABSTRAK

Amalan budaya dalam masyarakat Islam di Malaysia adalah pelbagai dan sebahagiannya mirip kepada amalan yang disarankan dalam sunnah Nabi SAW. Istilah sunnah adalah merujuk kepada sesuatu yang diambil daripada Nabi SAW. Artikel ini bertujuan untuk meneliti dan mengkaji beberapa amalan budaya dalam masyarakat Islam di Malaysia yang mempunyai hubung kait atau mirip kepada amalan sunnah yang disarankan oleh Nabi SAW. Melalui analisis induktif dan deduktif, artikel ini melakukan penilaian hanya terhadap amalan budaya dalam aspek makanan dan pemakanan serta pengubatan Islam sahaja melalui pemahaman dan perbincangan dalam hadis-hadis yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa bentuk-bentuk amalan budaya dalam aspek makanan dan pemakanan adalah budaya "kenduri" atau menjamu makan dan isu berkaitan dengan makanan sunnah. Sedangkan dalam aspek pengubatan penyakit pula, amalan yang telah menjadi budaya adalah penggunaan jampi dan rukyah, penggunaan bahan rawatan seperti air, daun bidara dan garam dalam rawatan penyakit. Tidak dinafikan bahawa walaupun ia telah menjadi budaya, bukan bermaksud bahawa amalan tersebut dilarang kerana selagi mana ia

tidak melanggar batas ketentuan syarak, maka dibenarkan untuk terus diamalkan.

Received: January 31, 2021

Accepted: May 19, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Dewasa kini, perbincangan terhadap hadis-hadis SAW amat rancak dan pelbagai pendekatan yang digunakan serta kaedah yang dipraktikkan. Matlamat utama adalah bagi memahami hadis dengan baik, mengambil faedah dan pengajaran daripada hadis itu, menjana pengetahuan yang baharu dan pelbagai aspek dan sudut lagi. Pada masa kini, antara penekanan yang diberikan oleh para sarjana adalah untuk melihat dan meneliti hadis dalam konteks bukan semata-mata dalam bentuk satu teori atau ungkapan, tetapi bagaimana hadis itu diimplimentasikan dalam kehidupan manusia (Mohd. Salleh, Hj Shamsu, Wazir, Usman, Abdullah, Ismail, & Burhanuddin, 2019).

Dalam erti kata bahawa, kajian dan penyelidikan semasa kini, melihat penting sesuatu ilmu itu dipraktikkan atau diamalkan sehingga dapat dilihat kesan atau manfaatnya kepada individu itu sendiri. Antara aspek yang dibincangkan pada masa kini adalah berkaitan dengan Living Hadis yang merujuk kepada melihat sesuatu amalan yang telah dipraktikkan dalam kalangan manusia setempat yang mempunyai kaitan langsung atau tidak langsung dengan apa yang disarankan daripada hadis-hadis Nabi SAW (Mohd. Salleh, Hj Shamsu, Wazir, Usman, Abdullah, Ismail, & Burhanuddin, 2019). Atau dalam kata lain, memandangkan hadis itu sebagai sumber kepada pelbagai amalan sama ada berupa ibadah khusus atau umum, maka apa yang dibincangkan atau disarankan atau dilarang dalam hadis itu telah menjadi satu amalan dalam masyarakat atau sehingga telah menjadi satu budaya masyarakat secara tidak langsung (Mohd. Salleh, Hj Shamsu, Wazir, Usman, Abdullah, Ismail, & Burhanuddin, 2019).

Oleh yang demikian, berasaskan kepada perbincangan tentang Living Hadis ini, artikel ini akan melihat dari sudut hadis, beberapa amalan yang telah menjadi budaya dalam masyarakat Islam di Malaysia yang mempunyai kaitan dengan sunnah Nabi SAW.

2. Budaya Dalam Masyarakat

Amalan budaya merupakan sesuatu yang telah berakar umbi dalam mana-mana masyarakat dan kaum. Bahkan setiap masyarakat atau kaum mempunyai amalan budaya yang tersendiri. Ada yang menyebutkan amalan budaya ini sebagai adat, atau tradisi atau disebutkan juga sebagai 'uruf (Ramli, 2006; Mat Salleh, 1989).

Adat pada awalnya disebutkan sebagai adat identik dan ia sama dengan istilah kebudayaan. Secara tradisinya pula, adat adalah cara hidup (*way of life*) suatu masyarakat. (Ramli, 2006). Manakala Kassim Salleh menghuraikan adat sebagai sesuatu yang menjadi kebiasaan manusia dan mengalaminya dalam bentuk perkataan, perbuatan atau meninggalkan tindakan tertentu. Perkara itu berlaku berulang-ulang sehingga mempengaruhi diri manusia dengan memberi kepuasan dan perkara itu juga diterima akal (Mat Salleh, 1989). Manakala Abdul Samad Idris mendefinisikan adat sebagai satu-satu amalan yang ghalib atau biasa dilakukan oleh sesuatu kelompok masyarakat dalam mengatur cara hidupnya sehari-hari (Idris, 1994).

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan tersebut boleh disimpulkan bahawa adat adalah merujuk kepada amalan, perbuatan, lakuan tingkah laku yang menjadi kebiasaan; atau norma hukum dan peraturan pemerintah yang dilaksanakan dalam masyarakat; atau prinsip alam semula jadi; atau upacara dan adat istiadat dalam bidang kehidupan; atau susunan dan sistem masyarakat dan juga merujuk kepada institusi kemasyarakatan yang telah pun bertapak dalam masyarakat itu sendiri (Ramli, 2006). Keseluruhan pandangan itu saling lengkap melengkapi antara satu dengan yang lain.

Terdapat sebahagian pengkaji menyebutkan budaya sebagai tradisi. Tradisi dirujuk sebagai sebuah adat kebiasaan turun-temurun (dari nenek moyang) yang masih dijalankan atau dipraktikkan dalam masyarakat (Davies, 1977). Ia juga merupakan sesuatu yang telah dilakukan sejak lama dan menjadi sebahagian daripada kehidupan suatu kelompok masyarakat, biasanya dirujuk kepada suatu negara, atau suatu kebudayaan warisan, atau yang telah ditentukan waktu, atau yang telah diwarisi dalam suatu agama. Oleh itu, tradisi adalah adat atau budaya yang diteruskan dari satu generasi ke generasi sama ada dicatatkan dalam penulisan (tertulis) ataupun suatu amalan warisan turun temurun yang telah lama dipraktikkan sehingga kini. Bahkan, menurut Karimullah

(2013), tradisi adalah roh dari sebuah kebudayaan, di mana tanpa tradisi tidak mungkin suatu kebudayaan akan hidup dan diteruskan (Karimullah, 2013)

Oleh yang demikian, dalam konteks Nabi SAW sendiri, baginda SAW tidak pernah memeriksa satu persatu tradisi, resam serta tatacara hidup kaum-kaum yang baru memeluk Islam, tetapi cukup dengan meminta mereka mengucap dua kalimah syahadah dan seterusnya mengikut apa yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah. Dari itu, tidak boleh untuk mengatakan bahawa kedatangan Islam membatalkan segala kebudayaan dan tamadun lama serta segala tradisi sesuatu bangsa atau kaum itu. Bahkan, dengan kedatangan Islam dalam masyarakat, Islam telah meletakkan prinsip yang jelas antara halal dan haram atau antara dibolehkan dengan tidak dibolehkan. Tun Suzana (2008) menyatakan bahawa Islam hanya datang untuk meminda, merubah dan menuliskan mana-mana perkara dan aspek yang perlu supaya roh budaya itu menjadi Islamik, yang sesuai dengan hukum Islam yang bersifat 'boleh sehingga tidak boleh' atau panduan yang diperluaskan (tawassu') iaitu boleh digunakan atau dipraktikkan selagi tiada halangan syarak (Othman & Suzana, 2008) atau bertepatan dengan prinsip dalam syarak itu sendiri.

Justeru, dapat difahami bahawa dalam konteks budaya masyarakat adalah merujuk kepada sesuatu amalan yang telah lama dipraktikkan, yang merupakan suatu tradisi, adat, atau amalan yang telah berakar umbi, yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Apabila amalan dalam budaya itu tidak bercanggah dan bertentangan dengan prinsip syariat, maka boleh untuk dipraktikkan. Namun, apabila bercanggah dan bertentangan, sudah pasti wajar untuk ditolak dan tidak lagi diamalkan. Oleh sebab itu, tidak boleh untuk menolak sepenuhnya amalan dalam sesuatu budaya dan adat dalam masyarakat itu secara total, serta tidak pula untuk menerimanya secara total. Ukuran penerimaan dan penolakan utama adalah melalui kerangka penilaian dalam al-Quran dan sunnah Nabi SAW (Othman, & Suzana, 2008 & Ramli, 2006).

3. Amalan Sunnah

Sebelum menjelaskan perbincangan yang lebih terperinci berkaitan dengan topik yang dibincangkan, perlu untuk difahami juga berkaitan dengan amalan sunnah. Perkara ini penting agar dapat difahami sama ada wujud perbezaan atau persamaan antara amalan sunnah dengan amalan budaya dalam masyarakat. Amalan sunnah adalah merujuk kepada sesuatu amalan yang dirujuk kepada Nabi SAW sama ada bersifat umum atau khusus. Penjelasan tentang amalan tersebut adalah daripada penerangan yang difahami melalui hadis-hadis baginda SAW atau melalui apa yang dipraktikkan atau dijelaskan dalam kalangan para sahabat RA (Basir & Musa, 2006).

Dalam memahami sunnah sebagai satu bentuk amalan, boleh dirujuk kepada beberapa hadis berikut yang mana Nabi SAW menggambarkan bahawa sunnah boleh menjadi satu jalanan atau ikutan yang baik atau menjadi satu amalan dan ikutan yang buruk pada diri diri seseorang. Sunnah dalam pemahaman ini adalah lebih kepada sesuatu yang boleh diikuti jika baik dan menjanjikan pahala, sedangkan ada juga suatu yang tidak baik yang boleh mendatangkan dosa apabila melakukannya (Basir & Musa, 2006).

(a) Hadis yang diriwayatkan daripada Jarīr ibn ‘Abdullāh RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَاعْمَلْ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أُجْرٍ مِنْ عَمَلٍ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أُجْرِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَاعْمَلْ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وَزْرِ مِنْ عَمَلٍ

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-‘Ilm, Bāb Man Sanna Sunnah Ḥasanah aw Sayyi’ah wa Man Da‘ā ila Ḥudā aw Dalālah*, nombor hadis 1017]

Maksudnya:

Sesiapa yang mencontohkan sunnah yang baik di dalam Islam maka baginya pahala dan pahala orang yang mengerjakan sunnah tersebut setelahnya tanpa mengurangi dari pahala-pahala mereka dan sesiapa yang mencontohkan sunnah yang buruk di dalam Islam maka baginya dosa dan dosa yang mengerjakan sunnah yang buruk tersebut setelahnya tanpa mengurangi dosa-dosa sedikitpun pelakunya.

(b) Hadis daripada al-‘Irbad ibn Sariyah, Nabi SAW bersabda:

فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ، تَمَسَّكُوا بِهَا وَعَصُوا عَلَيَّ بِهَا لَنْتُ وَاجِدُ،

[Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud, Kitāb al-Sunnah, Bāb Fī Luzūm al-Sunnah*, nombor hadis 4607, sahih]

Maksudnya:

Maka hendaklah kamu berada di atas sunnahku dan sunnah Khulafā' al-Mahdiyyīn al-Rāshidīn, peganglah dengannya dan gigitlah ia dengan erat dengan gigi gerahammu (berpegang dengan sehabis kuat).

Oleh yang demikian, apabila sesuatu amalan itu dirujuk kepada Nabi SAW atau kepada para Sahabat, maka boleh diletakkan sebagai suatu amalan sunnah. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT surah *al-Hashr* [59] ayat 7:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya:

Apa yang Allah SWT kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah SAW), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah SWT; sesungguhnya Allah SWT amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya).

Kemudian, mengikuti sunnah Nabi SAW atau amalan yang disarankan daripada hadis juga mempunyai kelebihan dan manfaatnya yang tersendiri. Dalam kajian yang dilakukan oleh Bashah Abu Bakar, di mana beliau yang memetik keterangan daripada Zakaria, Adel, & Mohamed (2007) yang mengkaji sukatan dan keberkesanan pelajaran Sirah Rasul di sekolah rendah agama daerah Sepang. Hasil kajian mendapati pelajaran Sirah Rasul telah berjaya memberi input berkualiti dan perubahan positif dalam mempertingkatkan intelek, rohani dan emosi serta keperibadian sebahagian besar murid terbabit. Antara perubahan positif seperti melakukan sesuatu amalan dengan ikhlas dan kerana Allah SWT, menghormati ibu bapa dan mentaati kata-kata mereka, membiasakan diri bercakap benar, tidak meninggalkan solat dan sering berdoa (Bhashah, 2011). Ini bermaksud bahawa mengikuti amalan sunnah dalam kehidupan itu mempunyai nilai positif kepada umat Islam itu sendiri. Tambahan lagi, kalau amalan tersebut telah menjadi budaya dalam masyarakat, maka ia akan mendatangkan manfaat yang lebih kepada semua anggota masyarakat.

Dengan itu, jika sesuatu amalan dalam masyarakat itu mempunyai hubung kait atau bertepatan dengan amalan daripada sunnah, atau amalan para Sahabat Nabi SAW, bermakna bahawa amalan tersebut adalah boleh diterima sebagai salah satu pengamalan dalam masyarakat termasuklah amalan budaya atau tradisi masyarakat yang telah diwarisi dari generasi ke generasi sehingga kini. Bahkan, turut terbukti bahawa dengan mengikut beberapa amalan sunnah itu mampu memberi impak positif dalam kehidupan seseorang individu itu.

4. Kaitan Amalan Sunnah Dan Living Hadis

Ilmu Living Hadis mula dibangunkan di Indonesia pada tahun 2007 oleh ahli akademik daripada UIN Sunan Kalijaga. Bukan sahaja hadis namun turut diperkenalkan ilmu Living Quran. Tetapi pada waktu tersebut ilmu ini belum disistemkan dengan sistematik. Walaupun demikian, perbincangan itu cuba untuk memberi fokus terhadap ilmu Living Hadis dan hubungkaitnya dengan amalan sunnah. Menurut Ahmad 'Ubaydi Hasbillah, jika 'Ulum al-Quran dan 'Ulum al-Hadith merupakan ilmu yang bersifat abstrak, tertumpu ke arah idea dan pemikiran, maka ilmu Living Quran dan Living Hadis merupakan suatu ilmu yang mengkaji al-Quran dan al-Hadith yang bersifat fenomena, gejala, nyata serta tertumpu kepada aspek pengamalan dan lapangan. 'Ulum al-Quran dan 'Ulum al-Hadis bersifat konseptual, namun Living Quran dan Living Hadis lebih bersifat faktual (Hasbillah, 2019)

Istilah ini pada awalnya belum terkenal dalam kalangan ahli akademik di Indonesia. Namun, jika dilihat daripada konteks sejarahnya istilah ini telah pun diguna pakai oleh ilmuwan terdahulu seperti Imam Malik. Beliau telah menggagas satu istilah yang disebut sebagai *amal ahl Madīnah* (Syamsuddin, 2007). Jika



Rajah 2: Objek Kajian Ilmu Living Hadis
 Sumber: Hasil Analisis

Aspek kebendaan tidak mengkaji peri laku manusia, tetapi yang dikaji adalah setiap benda yang terinspirasi daripada sumber hadis Nabi SAW. Contohnya, seni kaligrafi, menu makanan Nabi SAW, logo pada ukiran tertentu dan sebagainya. Dari sudut kemanusiaan pula, mengkaji perbuatan-perbuatan yang bersifat lebih memanusaiakan manusia. Kebiasaannya, berkenaan dengan akhlak atau karakter-karakter keperibadian seorang mukmin yang sesuai dengan hadis atau karakter Qurani dan kenabian. Contohnya, kegiatan merawat menggunakan rukyah, memakai cincin pada jari manis di tangan kanan, memakai serban dan jubah, dan lain-lain lagi yang mana objek kajiannya tidak tertumpu kepada benda tetapi perilaku setiap individu. Kemasyarakatan pula adalah merujuk kepada aspek sosial kebudayaan, tradisi dan adat istiadat yang diilhamkan daripada hadis. Sebagai contoh, melakukan solat Subuh secara berjemaah, mengadakan aktiviti-aktiviti yang mengeratkan silaturrahim, tradisi membaca Yasin untuk orang yang meninggal dunia, tradisi bacaan tahlil kenduri arwah dan lain-lain (Hasbillah, 2019).

Kesimpulannya, penting mengetahui hakikat sesuatu ilmu sebelum diamalkan dalam kehidupan. Hal ini bertepatan dengan syair ungkapan Imam Ibn Ruslan (t.th.):

وكل من بغير علم يعمل # أعماله مردودة لا تقبل

“Sesiapa yang melakukan amalan tanpa ilmu, maka amalnya ditolak tak diterima”.

Oleh demikian, Living Hadis ini terkait langsung dengan amalan sunnah itu sendiri yang melihat lebih kepada usaha praktik yang diamalkan dan dikerjakan dalam masyarakat yang berasaskan rujukan kepada Nabi SAW. Manakala apabila dikaitkan dengan budaya atau kebudayaan pula, ia meliputi seluruh cara hidup masyarakat atau seluruh aspek pemikiran dan tingkah laku manusia yang diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi yang lain melalui proses pembelajaran. Bahkan, turut dikaitkan dengan cara hidup sebuah masyarakat, tamadun, peradaban dan kemajuan (Iskandar, 2002).

5. Skop Dan Metodologi

Memandangkan bahawa perbincangan tentang budaya masyarakat yang berkaitan dengan amalan sunnah adalah suatu perbincangan yang panjang dan merujuk kepada pelbagai bentuk amalan, artikel ini tidak akan membincangkan keseluruhannya melainkan memberi fokus kepada beberapa bentuk amalan yang telah menjadi budaya dalam masyarakat dan mempunyai hubung kait dengan amalan dalam sunnah Nabi SAW. Kupasan dan perbincangan yang diberikan penekanan yang terperinci adalah terhadap dua (2) aspek utama yang telah menjadi amalan masyarakat sehingga kini, iaitu [1] Amalan Budaya Dalam Aspek Makanan dan Pemakanan; dan [2] Amalan Budaya Dalam Pengubatan Penyakit.

Justifikasi kepada pemilihan kedua-dua aspek ini adalah kerana, dalam masyarakat Islam di Malaysia khususnya, kedua-dua amalan ini telah pun menjadi satu budaya turun temurun di mana dalam aspek makanan dan pemakanan, antara amalan yang diamalkan adalah dari sudut kenduri atau menjamu makan yang disediakan dalam majlis yang pelbagai seperti pernikahan dan persandingan, ketika kematian, majlis ilmu dan sebagainya. Demikian juga dalam aspek pengubatan dan penyembuhan penyakit di mana wujudnya dalam masyarakat yang dinamakan sebagai perawat atau bomoh yang menggunakan ayat-ayat al-Quran atau secara umumnya menamakan dengan pengubatan Islam atau menggunakan pendekatan tradisional berasaskan amalan perbomohan dan juga penggunaan herba dan sebagainya (Abd Razzak, Ahmad, & Ab Rahim, 2019).

Keseluruhan data dianalisis berdasarkan metode analisis induktif dan deduktif bagi menghurai dan mengembangkan data-data yang bersifat khusus dan merumuskan data-data yang bersifat luas dan umum agar dapat mengeluarkan pandangan yang dapat dimanfaatkan bersama.

6. Hasil Dan Dapatan

Secara umumnya, jika diteliti dengan mendalam terhadap amalan-amalan dalam masyarakat Islam khususnya di Malaysia ini, tidak dinafikan bahawa ia mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan amalan-amalan yang berkait dengan sunnah Nabi SAW. Dalam erti kata bahawa, amalan-amalan tersebut seolah-olah berasaskan kepada apa yang telah dijelaskan dalam hadis-hadis Nabi SAW. Antara aspek yang telah membudaya dalam masyarakat dan boleh dikatakan mempunyai hubung kait dengan amalan sunnah adalah seperti dalam Rajah 3 di bawah:

PELBAGAI ASPEK YANG MEMBUDAYA DALAM MASYARAKAT					
ASPEK MAKAN DAN PEMAKANAN	ASPEK PENGUBATAN DAN PENYEMBUHAN PENYAKIT	ASPEK ADAB DAN TATASUSILA SEMASA MANUSIA (Bersalaman, Dll)	ASPEK HARTA DAN PENGURUSAN HARTA (Sedekah, Zakat, Infaq Dll)	ASPEK HUBUNGAN SESAMA MAKHLUK (Ziarah, Perayaan, Dll)	ASPEK-ASPEK LAIN YANG PELBAGAI

Rajah 3: Pelbagai Aspek Yang Menjadi Budaya Dalam Masyarakat

Memandangkan perbincangan tentang amalan ini sangat luas, maka, artikel ini hanya memperincikan perbincangan terhadap dua aspek sahaja seperti yang telah ditegaskan dalam skop perbincangan. Kedua-dua aspek tersebut adalah:

6.1. Amalan Budaya Yang Dikaitkan Dengan Sunnah Dalam Aspek Makanan dan Pemakanan

Apabila menyentuh isu berkaitan dengan makanan dan pemakanan, telah diketahui bahawa banyak hadis yang menjelaskan dari pelbagai aspek yang merangkumi jenis makanan, amalan dalam pemakanan, doa dan bacaan ketika makan, keutamaan makan dan makanan, adab dan tatasusila ketika makan dan sebagainya. Bahkan, termasuk dalam amalan pemakanan adalah makan secara berjemaah atau makan secara ramai dalam satu kumpulan yang biasanya disebutkan sebagai kenduri, jamuan makan dan sebagainya (Wan Mohamed Radzi, 2009). Tidak dinafikan bahawa dalam aspek makanan dan pemakanan ini, terdapat pelbagai bentuk amalan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia yang telah lama dipraktikkan dan telah menjadi satu budaya dalam masyarakat. Antara amalan yang telah menjadi budaya dalam masyarakat Islam di Malaysia adalah:

6.1.1 “Amalan Menjamu Makan” atau “Kenduri”

Amalan Menjamu Makan” atau “Kenduri” atau beberapa istilah lain dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya, yang telah menjadi satu tradisi dan budaya turun temurun dalam masyarakat. Jika dirujuk dalam masyarakat Islam di Malaysia, majlis atau aktiviti makan ini dilakukan dalam pelbagai bentuk, mengikut masa dan tarikh tertentu, ada yang berkala, ada hanya sekali, ada yang dikaitkan dengan peristiwa dan sebagainya. Bahkan, majlis ilmu seperti kuliah, seminar dan sebagainya juga tidak akan terlepas daripada dihidangkan dengan juadah makan atau sekurang-kurangnya minuman.

Contohnya, ketika Majlis Perkahwinan, maka kedua-dua pihak lelaki dan perempuan akan mengadakan ‘kenduri kahwin’ atau Majlis Walimah sebagai tanda pengisytiharan perkahwinan mereka. Norhuda (2017) menyatakan bahawa salah satu unsur simbolik dalam perkahwinan adalah makanan, di mana ia memainkan peranan penting dan bertindak sebagai salah satu komponen utama dalam ritual perkahwinan itu sendiri. Demikian juga Muhammad, Zahari, Ramly, dan Ahmad (2013), yang menyebutkan bahawa makanan dipersepsi sebagai amat kaya dengan perlambangan dan bertindak sebagai adat atau tradisi dalam sesebuah masyarakat. Tempat yang berbeza akan mempunyai makanan istimewa yang tersendiri. Perkara ini sesuai dengan hadis



daripada Anas ibn Mālik, di mana pertanyaan Nabi SAW terhadap ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Awf RA yang berkahwin dengan seorang wanita Ansar, lalu diringkaskan bahawa Nabi SAW bersabda:

أَوْلِمَ وَلَوْ بِشَاةٍ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Walīmah Walaw bi Shah*, nombor hadis 5167]

Maksudnya:

Adakan walimah sekalipun dengan seekor kambing.

Kemudian, disebutkan dalam hadis Buraidah RA ketika ‘Alī RA meminang Fāṭimah RA, maka Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّهُ لَا بُدَّ لِلْعُرُوسِ مِنْ وَلِيْمَةٍ

[al-Ṭabarānī, *al-Mu’jam al-Ṣaghīr, Ḥadīth Buraidah ibn al-Hasib al-Aslamī*, nombor hadis 1153]

Maksudnya:

Sesungguhnya tidak dapat tidak bagi pengantin perlu menyelenggarakan walimah.

Cuma dalam isu majlis perkahwinan ini, sekalipun yang menjadi budaya, dari sudut pelaksanaannya tidak lagi sama dengan apa yang disarankan dan benar-benar memahami pelaksanaannya daripada amalan sunnah yang diajarkan oleh Nabi SAW. Antara perkara yang dipertikai dari sudut kos yang dibelanjakan, pembaziran makanan, bercampur lelaki dan wanita, dicampurkan dengan lagu dan hiburan serta sebagainya. Walaupun matlamatnya sama untuk mewar-warkan perkahwinan, tetapi pelaksanaannya perlu kepada pengislahan kepada yang lebih baik (Ramli, 2006).

Oleh yang demikian, selain daripada jamuan dalam majlis perkahwinan, budaya menjamu makan juga berlaku dalam pelbagai situasi dan tempat mengikut kecenderungan masyarakat di tempat masing-masing. Jamuan meraikan tetamu, jamuan di sekolah dan pejabat bersama rakan-rakan sejawat, jamuan dalam mesyuarat, jamuan perpisahan, jamuan meraikan kejayaan dan sebagainya lagi. Apa yang pasti, budaya ini adalah sesuai sebagai tanda kebaikan dan murahnya hati masyarakat Islam di Malaysia terhadap sesama anggota masyarakat. (Ramli, 2006). Dalam hadis, daripada Abdullah bin Amru RA, bahawasanya seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW:

أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ؟ قَالَ: «تُطْعِمُ الطَّعَامَ، وَتَدْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ»

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Imān, Bāb Iṭ‘am al-Ṭa‘ām min al-Islām*, nombor hadis 12]

Maksudnya:

Apakah amalan yang terbaik dalam Islam? Baginda SAW bersabda: “Memberi makan makanan dan memberi salam kepada orang engkau kenal dan orang yang engkau tidak kenali.”

Bahkan, boleh juga dikaitkan dengan hadis yang menyebutkan bahawa Nabi SAW sangat menggalakkan umat baginda SAW memberi makan kepada orang lain, khususnya dari kalangan orang yang lapar atau tidak mempunyai makanan. Daripada Abū Musā al-Asha‘rī RA, daripada Nabi SAW bersabda:

أَطْعِمُوا الْجَائِعَ، وَعُودُوا الْمَرِيضَ، وَفُكُّوا الْعَائِلَ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Aṭ‘imah, Bāb Qawl Allah Ta‘ālā Kulū min ṭayyibāt mā razaqnākum*, nombor hadis 5373]



Maksudnya:

Berilah makan orang yang lapar, ziarahlah orang yang sakit dan bebaskanlah tahanan.

Dari itu, amalan budaya memberi makan atau menyediakan jamuan makan ini adalah suatu amalan yang baik dan boleh diteruskan. Cuma disarankan agar, dalam majlis tersebut batas pergaulan dijaga, tiada pembaziran, tidak melampau dalam penyediaan juadah dan sebagainya lagi yang perlu dipelihara sesuai dengan tuntutan syarak.

6.1.2. Isu makanan dan pemakanan

Dalam isu makanan dan pemakanan ini, sesuatu yang boleh diketengahkan dan dibincangkan serta telah menjadi satu budaya dalam masyarakat Islam di Malaysia kini adalah penerimaan terhadap “makanan sunnah”. Makanan sunnah yang dimasukkan secara umum adalah pelbagai jenis makanan yang berupa buah-buahan, bijirin, tumbuhan dan herba, minyak, minuman dan sebagainya yang disandarkan kepada Nabi SAW. Bahkan, termasuk apa yang disebutkan dalam hadis dan al-Quran itu sendiri (Ahmad, Mohd Yakub, & Ariffin, 2015). Boleh dikatakan bahawa majoriti masyarakat memandang tinggi dan baik apabila disebutkan tentang makanan sunnah. Bahkan, mereka sanggup untuk membelanjakan wang ratusan dan ribuan ringgit atas dasar untuk mengamalkan produk berasaskan makanan sunnah.

Dalam pemerhatian rawak (*random observation*) yang dilakukan dalam tempoh antara pertengahan tahun 2012 - 2014, didapati masyarakat mempunyai pandangan khusus terhadap “makanan sunnah”. Pandangan ini berasaskan kepada penggunaan istilah itu dalam *muamalah* harian mereka dan sambutan masyarakat terhadap produk kesihatan yang berasaskan kepada tema “makanan sunnah”. Secara keseluruhan, rentetan penggunaan istilah “makanan sunnah” dalam kalangan masyarakat di Malaysia boleh dilihat dari beberapa sudut, iaitu (Ahmad, Mohd Yakub, & Ariffin, 2015; Ahmad, 2019 & Pauzi, & Khairuddin, 2018):

[a]: Sesuatu bahan makanan berupa buah-buahan, tumbuhan, sayuran, atau sesuatu jenis makanan yang disebutkan secara jelas di dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Ini bermakna jika sesuatu makanan itu disebut dalam kedua-dua sumber tersebut atau salah satu daripadanya, sekalipun tidak pernah diambil atau dijamah oleh Nabi SAW, maka ia adalah merujuk kepada jenis-jenis makanan sunnah yang membawa kepada persepsi dan penggunaan masyarakat terhadap istilah tersebut.

[b]: Rentetan itu, ia dikukuhkan lagi dengan kewujudan atau penghasilan produk kesihatan yang menggunakan label “*Produk Makanan Sunnah*” atau “*Produk Berasaskan Makanan Sunnah*”. Ini bermakna bahawa apabila sesuatu produk yang dihasilkan berasaskan kepada satu jenis atau campuran beberapa jenis makanan yang disebutkan di dalam al-Quran dan Hadis, maka masyarakat memandang bahawa ia adalah suatu bentuk pemakanan sunnah. Masyarakat rata-rata meletakkan kepercayaan penuh tentang kebaikan produk-produk kesihatan tersebut atas dasar ia berasaskan kepada makanan yang disebutkan dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW.

[c]: Persepsi dan realiti masyarakat dalam penggunaan istilah pemakanan sunnah, turut dapat dilihat dari sudut keterangan yang dikemukakan terhadap beberapa jenis makanan yang ditanyakan kepada responden terpilih secara rawak. Apabila dikemukakan pertanyaan, adakah makanan seperti sup daging yang dihiris halus, labu air, labu, timun, halia, ikan dan pisang merupakan makanan sunnah atau makanan yang jelas disebutkan di dalam al-Quran dan hadis? Didapati kebanyakan responden mengatakan ia bukan makanan sunnah, atau ia bukan makanan yang pernah dimakan oleh Nabi. Jadi, dapat difahami bahawa masyarakat masih keliru lagi dalam menetapkan dan memahami pemakanan sunnah yang betul. Pada mereka, penggunaan makanan sunnah lebih kepada makanan yang dipopularkan sebagai makanan sunnah dalam masyarakat seperti madu lebah, kismis, kurma, minyak zaitun, buah tin dan beberapa jenis lagi.

[d]: Faktor pemahaman masyarakat berkait rapat dengan media massa sama ada media cetak atau media elektronik. Hal ini dapat diperhatikan dari sudut promosi dan pengiklanan yang dilakukan dalam media arus perdana tersebut yang lebih menggambarkan makanan sunnah hanya merujuk kepada madu, kurma, kismis, delima, *habbah al-Sawda'* dan beberapa jenis bahan makanan lagi. Buktinya boleh dirujuk kepada pengiklanan melalui laman sesawang (*website*) atau blog, akhbar dan majalah, papan iklan, handout (*browser*) dan sebagainya lagi. Promosi dan pengiklanan ini sangat mempengaruhi sudut pemahaman masyarakat sehingga banyak produk mendapat sambutan luar biasa masyarakat apabila dilabelkan sebagai makanan sunnah.

Dari hasil pemerhatian ini, sebenarnya terdapat salah faham yang sangat jelas dalam kalangan masyarakat terhadap penggunaan istilah tersebut dan perkara ini sewajarnya diberikan penjelasan segera agar dapat memberikan kefahaman sebenar kepada masyarakat dan agar tidak lagi membudaya dalam kalangan ahli masyarakat itu sendiri.

6.2. Amalan Yang Membudaya Dalam Pengubatan Penyakit

Sesuatu yang penting dan boleh diketengahkan juga berkaitan dengan amalan yang menjadi budaya adalah dirujuk dari aspek pengubatan dan penyembuhan penyakit. Perkara ini boleh dilihat dalam budaya dan tradisi masyarakat dan sehingga hari ini masih berlaku perkara tersebut.

6.2.1. Budaya menjampi dan menyembuhkan penyakit berdasarkan bacaan jampi atau rukyah

Apabila membicarakan tentang pengubatan di alam Melayu, maka tidak dapat tidak akan dikaitkan dengan rawatan tradisional Melayu dan juga pengubatan Islam. Dahulu, masyarakat akan mendapatkan khidmat rawatan pelbagai jenis penyakit daripada pengamal rawatan yang disebutkan sebagai bomoh, pawang, dukun dan sebagainya. Maka, pada kebiasaannya antara pendekatan yang digunakan dalam rawatan adalah penggunaan jampi dan mantera yang pelbagai bentuk dan jenis. Tidak dinafikan juga bahawa ada sebahagian pengamal tersebut menggunakan herba seperti daun kayu, pucuk, akar kayu atau melalui pelbagai jenis petua untuk rawatan dan penjagaan kesihatan dan kesembuhan penyakit (Abd Aziz & Yunos, 2019).

Tambahan lagi, dalam membuktikan kewujudan amalan jampi menjampi dalam masyarakat Melayu khususnya boleh dirujuk kepada tulisan Haron Daud di mana beliau telah mengkaji dan menganalisis mantera dan jampi-jampi yang digunapakai di Alam Melayu dari sudut jenis dan fungsi, kegunaannya dalam masyarakat, simbolik dalam mantera dan jampi serta pemikiran terhadap mantera dan jampi tersebut (Daud, 2001). Ini menjadi bukti yang jelas tentang penggunaan jampi dan mantera yang meluas dalam masyarakat Melayu itu sendiri.

Demikian juga dalam beberapa kajian yang dilakukan oleh Amran Kasimin, di mana dalam kajian beliau terhadap sihir di Alam Melayu (khususnya di Malaysia), antara aspek penting dalam perbincangannya adalah berkaitan dengan amalan-amalan dalam bentuk bacaan atau jampi sama ada daripada ayat al-Quran dan doa-doa tertentu yang menjadi asas kepada perlakuan sihir seperti disebutkan Khadam Ayat, *Rijāl al-Ghā'ib*, Amalan Kebatinan, Zikir Memanggil Syaitan dan sebagainya lagi (Kasimin, 1997). Bahkan, ada sebahagiannya dikaitkan pula dengan penggunaan tangkal, wafak, lemparan doa, rajah dan sebagainya yang boleh membawa kepada berlakunya sihir itu (Kasimin, 2009). Kesemua ini membuktikan bahawa amalan jampi dan menjampi telah menjadi tradisi dan budaya dalam masyarakat Melayu. Walaupun demikian, pengkaji bukan bermaksud untuk menyatakan bahawa amalan jampi dan mantera dalam kalangan orang Melayu itu sebagai bentuk amalan Sunnah. Namun, dalam menyatakan bahawa amalan pengubatan berasaskan jampi yang baik atau disebutkan sebagai rukyah adalah amalan pengubatan yang boleh diamalkan selagi mana mengikut garis panduan yang telah ditetapkan syariat Islam (Ahmad, & Md. Ariffin, 2014)

Oleh itu, dirujuk kepada hadis, budaya jampi dan kewujudan pengamal pengubatan yang menggunakan jampi ini juga telah wujud dalam masyarakat Arab dan telah pun menjadi satu tradisi dan budaya yang diwarisi turun temurun. Terdapat beberapa hadis yang boleh membuktikan perkara ini iaitu antaranya:

- (a) Hadis yang menceritakan tentang keluarga 'Amr bin Hazm menemui Rasulullah SAW bagi menjelaskan jampi kala jengking yang diwarisi sama ada dibenarkan ataupun tidak. Lalu Rasulullah SAW minta dibentangkan jampi itu dan diperakukan untuk diamalkan. Daripada Jābir RA berkata;

كَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الرَّقِيِّ فَجَاءَ آلَ عَمْرٍو بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا: -
رَسُولِ اللَّهِ إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَ بُقَيْقِنَةَ رُقِيٌّ بِهَا مِنَ الْعُقْرَبِ، وَإِنَّكَ هَمَيْتَ عَنْ الرَّقِيِّ. قَالَ: فَدَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ. فَقَالَ: مَا أَرَى سَأَمَنْ
اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلَيْنَا نَفَعُهُ

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Salām, Bāb Istihbāb al-Ruqyah min al-'Ain wa al-Namlah wa Humah wa al-Nazrah*, nombor hadis 5726]

Maksudnya:

Rasulullah SAW telah melarang dari jampi menjampi. Maka datanglah keluarga Amr ibn Ḥazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah SAW di sisi kami mempunyai rukyah (jampi) yang boleh menjampi sengatan kala jengking, sedangkan engkau melarang kami daripada jampi menjampi.” Lalu mereka membentangkan jampi tersebut kepada Nabi SAW. Maka sabda Nabi SAW: “Aku lihat ia tidak mengapa. Sesiapa di antara kalian yang mampu untuk membantu saudaranya, maka hendaklah dia melakukannya.”

- (b) Hadis yang menyebutkan tentang jampi warisan yang dimiliki oleh al-Shifā' ibn 'Abd Allāh RA bagi merawat kudis (*al-Namlah*) dan baginda SAW meminta agar diajarkan jampi berkenaan kepada isteri baginda bernama Ḥafṣah. Diriwatkan daripada al-Shifā' ibn 'Abd Allāh RA berkata:

دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ -صلى عليه وسلم- وَأَعِنْدَ حَفْصَةَ فَقَالَ لِي «أَلَا تَعْلَمِينَ هَذِهِ رُقِيَّةُ النَّمْلَةِ كَمَا عَلَّمْتِيهَا الْكِتَابَةَ

[Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud, Kitāb al-Ṭib, Bāb Mā Jā'a fī al-Ruqā*, nombor hadis 3887, Sahih]

Maksudnya:

Rasulullah SAW pernah masuk menemui aku, sedangkan aku ketika itu bersama dengan Ḥafṣah RA (isteri Baginda SAW), lalu Baginda SAW bersabda: “Mengapa kamu tidak mengajarkan jampi kudis (*al-Namlah*) kepada Ḥafṣah RA sebagaimana kamu mengajarnya menulis.”

- (c) Hadis yang menggambarkan secara umum tentang amalan jampi yang telah menjadi budaya atau tradisi orang Arab sebelum kedatangan Islam lagi. Daripada 'Awf ibn Mālik al-Ashja'i berkata:

كُنَّا نَرْقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَخُئِّلْنَا رَسُولُ اللَّهِ كَيْفَ تَرَى فِي ذَلِكَ فَقَالَ «اعْرِضُوا عَلَيَّ رُقَاكُمْ لَا سِرَّ لِرُقِي مَا مَ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ»

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Salām, Bāb Lā Ba's bi al-Ruqā Ma Lam Yakun Fih Shirk*, nombor hadis 5732; Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud, Kitāb al-Ṭib, Bāb Mā Jā'a fī al-Ruqā*, nombor hadis 3886, Sahih]

Maksudnya:

Ketika zaman Jahiliah, kami melakukan jampi. Maka kami bertanya Rasulullah SAW (tentang perkara itu): “Wahai Rasulullah, bagaimanakah hukum terhadap yang demikian?” Maka sabda Nabi SAW: “Kemukakan kepada ku jampi kamu itu; tidak mengapa menjampi selagi ia tidak mengandungi syirik (kepada Allah SWT).”

Oleh yang demikian, usaha jampi menjampi ini adalah sesuatu yang telah pun berakar umbi dalam masyarakat Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, apa yang dijelaskan oleh Nabi SAW berkenaan dengan amalan jampi atau rukyah ini, Nabi SAW telah meletakkan satu garis sempadan yang jelas supaya tidak melanggar batas syariat Islam yang sebenar. Hal ini kerana realiti dalam pengamalan oleh pengamalan pengubatan banyak dikaitkan dengan unsur syirik seperti memohon pertolongan selain Allah, ada unsur pemujaan roh tertentu, pemujaan semangat tertentu, pemujaan kubur, atau melibatkan penyembahan seperti mempersembahkan binatang dengan menyembelih ayam hitam atau putih untuk rawatan tertentu, pulut kuning dan kari ayam dan sebagainya lagi yang telah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar (Ahmad & Md Ariffin, 2013).

6.2.2. Penggunaan air jampi/air yang dibacakan ayat al-Quran atau rukyah

Suatu perkara lagi telah berakar umbi dalam masyarakat Islam di Malaysia adalah berkaitan dengan air jampi atau air yang dirukyahkan atau air yang diperdengarkan ayat-ayat al-Quran. Menjadi satu kebiasaan masyarakat untuk membaca Yasin pada malam Jumaat sama ada di surau atau masjid. Pada waktu tersebut, masyarakat khususnya dari kalangan ibu bapa akan membawa bersama air dalam bekas atau botol yang akan diletakkan

pada bahagian tengah *halaqah* (bulatan) dalam surau atau masjid itu ketika bacaan Yasin tersebut berlangsung. Maka, air itu dinamakan sebagai Air Yasin. Pada pandangan masyarakat air Yasin ini mempunyai khasiat dan boleh mujarab untuk merawat penyakit jasmani atau rohani seperti terang hati, gangguan makhluk halus dan sebagainya (Miftahuddin, Zatrachadi, Suhaimi, & Darmawati, 2019).

Bahkan, dalam situasi yang lain, air juga digunakan sebagai ‘penawar’ penyakit yang disebutkan dengan beberapa istilah seperti “air penawar”, “air jampi”, “air ubat” dan sebagainya. Air tersebut biasanya dibacakan dengan rangkaian jampi atau doa-doa tertentu yang digunakan bagi merawat gangguan jin, atau kena sampuk, atau ditegur jin dan sebagainya. Selain itu, air tersebut juga digunakan untuk keadaan yang lain seperti penerang hati, pendekat jodoh, keras kepala dan sebagainya lagi. Contohnya, Nor Rafidah Mokhtar dan Mohd Nizam Sahad ada menyebutkan bahawa air yang dijumpi oleh bomoh akan direndam dengan kepingan kertas yang tertulis dengan bacaan tertentu bagi digunakan untuk menyiram empat penjuru rumah sebagai ‘pendinging’ (Mokhtar & Sahad, 2014).

Penggunaan air dalam rawatan adalah bertepatan dengan petunjuk Allah SWT kepada Nabi Ayyub AS yang ditimpa penyakit kulit untuk minum dan mandi menggunakan air yang terpancar keluar selepas baginda menghentak kaki apabila diperintahkan oleh Allah SWT berbuat demikian. Firman Allah SWT dalam surah *Ṣād* [38] ayat 41-42:

وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا أَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَيْ مَسَّنِي الشَّيْطَانُ بِنُصْبٍ وَعَذَابٍ ﴿٤١﴾ أَرْكُضْ بِرِجْلِكَ هَذَا مُغْتَسَلٌ بَارِدٌ وَشَرَابٌ ﴿٤٢﴾

Maksudnya:

Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba kami: Nabi Ayyub ketika dia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: “Sesungguhnya aku diganggu oleh syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab seksa (penyakit).” (Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): “Hentakkanlah (bumi) dengan kaki mu” (Setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): “Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin).

Demikian juga Allah SWT menyatakan bahawa hakikat kejadian manusia dan hidupan di atas muka bumi adalah daripada air yang menunjukkan betapa pentingnya air pada manusia itu sendiri seperti dalam firman-Nya pada surah *al-Anbiyā’* [21] ayat 30:

أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيًّا أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?

Air juga digunakan untuk menyucikan diri dan juga menghapuskan diri daripada gangguan syaitan atau makhluk halus sepertimana firman Allah SWT dalam surah *al-Anfāl* [8] ayat 11:

إِذْ يُغَيِّبُكُمُ الْغُصَاةَ مِنْ بَيْنِ يَدَيْكُمْ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ مَنَّةً مِنْ السَّمَاءِ مَاءً لِيُطَهِّرَكُمْ بِهِ وَيُذْهِبَ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَى قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah ketika) Dia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk menyucikan kamu dengannya dan menghapuskan dari kamu gangguan syaitan, dan juga untuk menguatkan hati kamu dan menetapkan dengannya tapak pendirian (kamu di medan perjuangan).

Ibn Kathīr (2004) mentafsirkan ungkapan (وَيَذِيبُ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ) dengan merujuk kepada penyucian daripada was-was syaitan atau daripada sesuatu yang bahaya lagi jahat (iaitu daripada syaitan yang mengganggu manusia) sebagai satu bentuk penyucian secara batin (rohani).

Pendekatan ini dapat disokong dengan beberapa hujah lain daripada hadis Nabi SAW. Nabi SAW menjelaskan bahawa seorang yang mengalami demam panas boleh disejukkan dengan menggunakan air. Ini menunjukkan bahawa penggunaan air dalam rawatan penyakit dibenarkan oleh Rasulullah SAW. Diriwayatkan daripada Rafi' ibn Khadij RA, Nabi SAW telah bersabda:

الْحَمَّى فَزَوْزْ مِنَ النَّارِ فَأَبْرِدُوهَا لِمَاءِ

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Salām, Bāb Li Kull Dā'i Dawā' wa Istihbāb al-Tadāwī*, nombor hadis 5751; al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī, Kitāb al-Ṭib, Bāb Mā Jā'a fi Tadrīb al-Ḥumā bi al-Mā'*, nombor hadis 2073, Sahih]

Maksudnya:

Demam itu merupakan ledakan daripada api neraka, maka sejukkan ia dengan air.

Oleh yang demikian, melihat kepada penggunaan air sebagai bahan rawatan ini, antara air yang dipandang tinggi dalam masyarakat Melayu Islam adalah air Zamzam. Air Zamzam digunakan secara meluas dalam kalangan pengamal pengubatan Islam bagi rawatan pelbagai penyakit. Bahkan, berhubung dengan air Zamzam, dari sudut penggunaan sebagai bahan rawatan penyakit adalah kerana Nabi SAW menjelaskan bahawa keberkesanan air Zamzam bergantung kepada niat peminumnya (Fauzi, Ahmad, & Kamaruzaman, 2019). Diriwayatkan daripada Jābir bin 'Abd Allāh RA, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَاءِ زَمَزَمَ لِمَا شَرِبَ لَهُ

[Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Manāsik, Bāb al-Shurb min Zamzam*, nombor hadis 3062, Sahih]

Maksudnya:

Air Zamzam itu diminum mengikut apa yang diniatkan atau dikehendaki.

Oleh sebab itu, dari sudut jenis air penawar atau air jampi yang digunakan sebagai bahan rawatan, maka air Zamzam antara jenis air yang digunakan selain daripada air kolah masjid, air mineral yang dirukyahkan, dan sebagainya lagi. Tambahan lagi, Hayat Kiswah dalam bukunya turut menyatakan bahawa air bersifat merakam dan mempunyai "roh"nya. Wajah air yang hidup bertukar-tukar mengikut pendedahan pada persekitarannya (Al Mawlawi, 2012). Dalam erti kata, apabila dibacakan sesuatu ungkapan pada air itu, maka ia akan merakamnya dan menjadi "wajah" air itu baik dan ada manfaatnya.

Dari itu, air jampi atau air yang dibacakan itu tidak menjadi sebarang masalah dan boleh diamalkan selagi individu yang mengamalkannya itu mempunyai iktikad yang jelas kepada Allah dan menyerahkan segala urusannya kepada Allah. Air itu hanya sebagai salah satu usaha dan ikhtiar sahaja (Al Mawlawi, 2012).

6.2.3. Penggunaan Daun Bidara Dalam Rawatan Penyakit

Penggunaan daun bidara sebagai bahan bagi rawatan penyakit yang berkaitan dengan jin atau gangguan makluk halus bukan lagi perkara baharu. Tetapi ia telah pun diamalkan sejak zaman berzaman dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama pengguna daun bidara ini telah lama digunakan sebagai bahan campuran dalam mandian untuk memandikan jenazah atau mayat. Hal ini telah lama dipraktikkan dalam masyarakat di Malaysia. Bahkan, apa yang dilakukan tersebut bertepatan dengan beberapa hadis yang menyebutkan tentang penggunaan daun bidara sebagai bahan campuran dalam mandian jenazah (Ahmad & Mohd Yakub, 2018; Yusof, Abd Rahim, Hassan, & Abidin, 2017).

Walaupun begitu, dalam hadis ada juga menyatakan bahawa selain digunakan untuk memandikan jenazah, daun bidara juga menjadi bahan campuran mandian bagi wanita yang haid di mana ia digunakan

sebagai campuran mandian dan bahan untuk mencuci kesan darah haid pada pakaian yang terkena kesan darah tersebut. Selain daripada itu, ada disebutkan dalam hadis bahawa air mandian campuran daun bidara ini turut digunakan bagi memandikan seseorang yang baru memeluk Islam (Ahmad & Mohd Yakub, 2018).

Penggunaan daun bidara dalam rawatan sebenarnya tidak ada nas yang jelas menyatakan ia bermanfaat dalam rawatan sihir. Namun, terdapat hadis yang menyatakan bahawa daun bidara yang dicampurkan dengan air, boleh digunakan untuk memandikan mayat orang mati. Hal ini menampakkan bahawa daun bidara tersebut mempunyai kelebihan dan manfaat yang tertentu (Ahmad, Mohd Yakub, Mohd Yakob, Yusof, Fauzi, & Ariffin, 2015). Daripada Ummu 'Atiyyah al-Ansāriyyah berkata:

دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ تَمُوتُ فَمَالَ اغْسِلْنَاهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتُمْ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Ghusl al-Mayyit wa Wuḍu'ih bi al-Ma'wā al-Sidr*, nombor hadis 1253]

Maksudnya:

Rasulullah SAW telah menemui kami ketika kematian anak perempuan Baginda SAW (Zainab, isteri Abū al-'As ibn al-Rabi'). Sabda Rasulullah SAW: "Mandikan dia tiga kali atau lima kali basuhan atau lebih daripada itu sekiranya kamu rasakan perlu dengan air dan daun bidara."

Demikian juga penggunaan daun bidara berdasarkan pengalaman para perawat membuktikan bahawa daun bidara yang digaul dalam air berkesan untuk merawat pesakit yang disihir melalui kaedah mandi atau minum. Air dan daun bidara tersebut perlu dirukyah dengan bacaan daripada al-Quran, dan doa-doa yang bersesuaian khususnya berhubung dengan sihir. Hujah ini dikukuhkan lagi dengan pendapat Ibn Kathir yang menyatakan bahawa al-Qurtubi telah memetik kata-kata Wahb bin Munabbih yang telah memberi saranan agar mengambil tujuh helai daun bidara dan dihaluskan serta digaulkan dalam air. Campuran ini lalu dibacakan ayat Kursi (Surah al-Baqarah ayat 255) dan diberi minum sebanyak tiga teguk dan bakinya digunakan untuk mandi (Ibn Kathīr, 2004).

Al-Qurtubī meriwayatkan daripada Wahb yang mengatakan, "Hendaklah diambil tujuh helai daun bidara, lalu ditumbuk di antara dua batu, lalu dicampurkan ke dalam air serta dibacakan ayat *al-Kursī* padanya. Kemudian airnya diminumkan kepada orang yang terkena sihir sebanyak tiga tegukan, dan bakinya digunakan untuk mandi. Sesungguhnya cara ini dapat melenyapkan sihir yang dihadapinya khususnya baik bagi lelaki terkena penyakit sihir ikatan (tidak mampu menggauli isterinya) (Ibn Kathīr, 1998).

Bahkan keterangan yang sama juga dapat dirujuk kepada pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam karya *al-Tib al-Nabawī*. Beliau menjelaskan kaedah yang digunakan untuk menghapuskan sihir adalah menggunakan daun *sidr* (bidara) yang diletakkan di dalam air sebagai mandian atau minuman (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 2010). Al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar (2001) berkata: "Ibn Battāl menyatakan bahawa, Wahb bin Munabbih menyebutkan, hendaklah mengambil tujuh helai daripada daun bidara kemudian dilumatkan dengan dua batu lalu dimasukkan ke dalam air, dibacakan ayat *al-Kursī* dan surah-surah *Qul (al-Jin, al-Kāfirūn, al-Ikhlās, al-Falaq* dan *al-Nās*) kemudian diminum beberapa teguk dan baki air digunakan oleh pesakit untuk mandi dengan air itu, sesungguhnya akan hilanglah semua penyakit sihirnya *Inshā Allāh*". Ini adalah bagus khususnya bagi lelaki yang terkena sihir ikatan (tidak mampu menggauli isterinya).

6.2.4. Penggunaan garam sebagai bahan rawatan dan perlindungan daripada gangguan makhluk halus

Dalam amalan pengamal pengubatan Islam di Malaysia, hampir kebanyakan akan menggunakan garam sebagai bahan utama dalam rawatan penyakit khususnya sebagai bahan untuk perlindungan dan gangguan daripada makhluk halus. Bukan itu, sahaja dalam amalan perubatan tradisional seperti perbomohan dan perdukunan juga digunakan garam sebagai salah satu bahan rawatan. Bahkan, dalam kalangan masyarakat Islam Melayu menerima perkara ini (Najaa' Mokhtar, Sidek, Mahyuddin, Zumrah, Ismail, Sabran, & Ghazali, 2018).

Merujuk kepada penggunaan garam, terdapat hadis yang menjelaskan bahawa Nabi SAW pernah menggunakan garam dalam rawatan penyakit. Ketika disengat kala jengking, baginda SAW telah meminta air dan garam lalu dibacakan *al-mu'awwidhat* dan disapukan pada tempat sengatan itu. Daripada 'Ali RA berkata bahawa ketika Rasulullah SAW menunaikan solat pada suatu malam. Apabila baginda SAW meletakkan tangan

di atas tanah (untuk sujud), baginda SAW disengat oleh kala jengking. Lalu baginda SAW mengambil sepatu (kasut) dan membunuhnya. Selepas membunuh kala jengking itu baginda SAW bersabda:

لَعَنَّ الْعَمْرَبَ ، لَا تَدْعُ مُصَلِّيًا ، وَلَا عَيْرَهُ ، أَوْ نَبِيًّا ، وَلَا عَيْرَهُ ، ثُمَّ دَعَا بِمِلْحٍ وَمَاءٍ فَحَعَلَهُ فِي إِاءٍ ، ثُمَّ جَعَلَ يَصْبِيهِ عَلَى إِصْبَعِهِ حَيْثُ لَدَعْتَهُ ، وَتَمَسَّحُهَا بِوَيْدِ عَوْذِهَا لِمُعَوِّذَتَيْنِ .

[Ibn Abī Shaybah, *Muṣannaf Ibn Abī Shaybah, Kitāb al-Ṭibb, Bāb Fī Ruqyah al-‘Aqrab, Mā Hiya?*, nombor hadis 24019, Sahih; al-Bayhaqī, *Shu‘ab al-Imān, Bāb Fī Ta‘zīm al-Qur‘ān, Faṣl Fī al-Istishfā’ bi al-Qur‘ān, Bāb Fī al-Istishfā’ bi al-Qur‘ān*, nombor hadis 2576, Sahih]

Maksudnya:

Semoga Allah SWT melaknat kala jengking itu, (kerana ia) tidak membiarkan orang yang bersolat dan selainnya, atau Nabi SAW dan selainnya (tetap menggigit). Kemudian Nabi SAW minta garam dan air yang diletakkan dalam satu bekas. Kemudian Baginda SAW meletakkannya pada jari Baginda SAW yang terkena sengatan, lalu disapunya dan dibacakan perlindungan dengan dua mu‘awwidhāt (surah al-Falaq dan al-Nās).

Selain itu, terdapat juga fatwa yang dikeluarkan oleh Syeikh Abū al-Barrā’ ‘Usāmah ibn Yāsin al-Ma‘ānī dan Syeikh ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Rahmān al-Jabraīn yang mengharuskan penggunaan garam dalam rawatan penyakit berdasarkan kepada hukum asal dalam ubat-ubatan adalah harus kecuali yang jelas diharamkan (Din, 2010). Ia dapat dikukuhkan dengan kaedah usul yang menyebutkan bahawa “الأصل في الأشياء “إباحة”” *“Asal hukum bagi sesuatu (bahan) itu adalah harus”*. Ini bermakna selagi tidak ada dalil yang mengharamkan penggunaan sesuatu bahan itu, maka diberi pilihan sama ada untuk menggunakannya ataupun tidak.

Dalam penulisan Dato’ Dr. Haron Din, beliau menyatakan bahawa penggunaan air, garam dan daun bidara adalah harus dan ia mampu memberi kesan terhadap makhluk halus berdasarkan kepada pengalaman beliau sendiri dan dinukilkan juga pandangan ulama lain (Ahmad, 2012).

7. Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan jelas menunjukkan bahawa dalam aspek makanan dan pemakanan telah menjadi budaya dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia untuk mengadakan jamuan makan atau menghidangkan makanan dalam pelbagai jenis majlis dan keraian. Perkara ini bersesuaian sunnah Nabi SAW yang menyarankan agar diadakan jamuan bagi pengantin yang baharu berkahwin ataupun menjadikan amalan untuk memberi makan kepada orang lain. Hal itu adalah satu sunnah yang sangat digalakkan dan telah pun menjadi budaya dalam masyarakat. Walaupun begitu, perlu dielakkan berlakunya pembaziran atau perkara yang boleh melanggar batas syariat seperti aspek pergaulan lelaki dan wanita, aspek menutup aurat dan sebagainya lagi.

Demikian juga dalam aspek pengubatan dan penyembuhan penyakit. Amalan menggunakan jampi atau ruyah bukan merupakan perkara baharu, tetapi telah menjadi budaya dalam kalangan orang Arab sendiri berdasarkan bukti dari hadis dan juga dalam kalangan orang Melayu Islam. Bagi memandu umat baginda, Nabi SAW telah meletakkan sempadan yang jelas bagi penggunaan jampi atau ruyah dalam rawatan penyakit.

Manakala dari aspek penggunaan bahan rawatan iaitu daun bidara, air jampi dan garam juga merupakan amalan yang telah wujud dalam kalangan orang Melayu terdahulu. Pada masa ini, tradisi atau budaya penggunaan bahan-bahan ini dalam rawatan masih tetap berjalan dan boleh teruskan selagi ia adalah bahan yang suci, bersih, tidak najis dan kotor, bukan dengan niat selain daripada Allah SWT, dan sebagainya. Oleh yang demikian, tidak menjadi sebarang masalah untuk meneruskan amalan demikian

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Malaya atas kebenaran menjalankan penyelidikan sepanjang tempoh Cuti Sabatikal bermula dari 1 November 2020 hingga 31 Julai 2021. Artikel ini adalah salah satu hasil daripada penyelidikan dalam tempoh tersebut.



Rujukan

- Abd Aziz, S. F. & Yunos, Y. (2019). Khasiat herba dalam Kitab Tib Melayu (Herbal Remedies in the Malay Tib). *Akademika*, 89(Special Issue): pp. 151-162.
- Abd Razzak, M. @ M., Ahmad, K., & Ab Rahim, N. M. Z. (2019). Penyalahgunaan ayat al-Quran dan penyelewengan Pusat Pengubatan Islam di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 429-448
- Abū Dāwūd, S. A. (t.th.). *Sunan Abī Dāwūd*. M. M. ‘Abd Al-Hamīd (Ed.). Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Ahmad, A. S. (1990). *Kesenian adat, kepercayaan dan petua*. Melaka: Associated Educational Distributors.
- Ahmad, K. & Ariffin, M. F. M. (2013). Khurafat tahyul dan teknik mistik dalam rawatan alternatif. Dlm. *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013)*. Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. (pp. 2-3).
- Ahmad, K. & Ariffin, M. F. M. (2014). Terapi ruqyah berasaskan al-Quran: analisis signifikannya dalam rawatan penyakit. Dlm. *The 4th Annual International Quranic Conference (MUQADDAS IV)* April (pp. 14-15).
- Ahmad, K. (2012). Analisis hadith rawatan sihir dalam al-Kutub al-Sittah: aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia. (Tesis PhD, tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad, K. (2019). Perspektif ilmu hadith dan nas terhadap makanan dan pemakanan Sunnah. *Seminar Kefahaman Islam Mengenai Makanan Sunnah dan Makanan Modern, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*, 19-20 November 2019.
- Ahmad, K., Yakub, M., Yusoff, Z. M. (2018). Pemahaman tentang penggunaan daun bidara dalam perspektif ilmu Wahyu: satu analisis. Dlm. N. Fauzi & N. F. Nawawi (Eds.). *Proceedings International Conference On Natural Science And Heritage From Islamic Perspective 2018 (INSPIRE) 2018*, (pp.28-47), Nilai: Penerbit USIM.
- Ahmad, K., Yakub, M., Yusoff, Z. M., & Ariffin, M. F. M. (2015). Salah faham terhadap istilah “Makanan Sunnah” dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia: satu analisis. *Salah Faham Terhadap Sunnah: Isu Dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran & al-Hadith, APIUM.
- Ahmad, K., Yakub, M., Yusoff, Z. M., Yakob, M. A., Yusof, R. J. R., Fauzi, N., ... & Ariffin, M. F. M. (2015). Tumbuhan bidara dalam al-Qur’an dan hadith: analisis terhadap manfaatnya berasaskan kepada penyelidikan semasa. *Jurnal al-Basirah*, Bil. 5: 64-93.
- al-Albānī, M. N. (1985). *Irwā’ al-Ghalīl fī Takhrij Ahādīth Manār al-Sabīl*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Albānī, M. N. (t.th). *Ṣaḥīḥ wa Ḍa’īf Abū Dāwūd*. Iskandariyah, Mesir: Markaz Nūr al-Islām.
- Al Mawlawi, H. K. (2012). *Rahsia air jampi: rahsia perawat Islam membuat air ruqyah*. Temerloh, Pahang: Kiswah Publishing House.
- Awang, N. (2013). *Pemakanan yang sihat menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Basir, A., & Musa, N. Y. (2006). Konsep al-Sunnah menurut ahli hadith. *Jurnal Pengajian Umum Bil. 8*: 1-22.
- al-Bayhaqī, A. B. (2000). *Shu’ab al-Īmān*. M. S. B. Zaghul (Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamī.
- Bhasah, A. B. (2011). Amalan sunnah dalam kalangan awal remaja. Dlm. F. Deraman et al. (Eds.). *Sunnah Nabī: Realiti dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.
- al-Bukhārī, A. A. M. (2002). *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh SAW wa Sunanih wa Ayyāmih*. Mansūrah, Mesir: Dār al-Ṭuq al-Najāh.
- Daud, H. (2001). *Mantera Melayu: analisis pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Davies, P. (1977). *The American heritage dictionary of the English language*. New York, NY: Dell Publishing Co., Inc.
- Din, H. (2010). *Rawatan penyakit-penyakit jasmani (I)*. Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa’.
- Fauzi, N., Ahmad, K., & Kamaruzaman, W. N. (2019). Fever in the perspective of hadith and Malay medical manuscript: an analysis on kitab Bermacam-Macam Khasiat. *Al-Bayan: Journal of Qur’an and Hadith Studies*, 17(1), 87-124.
- Hasbillah, A. U., (2019). *Ilmu Living Quran-Hadis: ontologi, epistemologi dan aksiologi*. Jakarta: Maktabah Darus-Sunnah.
- Ibn Abī Shaybah, A.B. (1999). *al-Musannif fī al-Aḥādīth al-Athar*. K. Y. al-Hūt (Ed.). Riyadh, KSA: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Ḥajar, A. A. H. (2001). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ismā’īl al-Bukhārī*. A. Q. Saybah al-Ḥamad (Ed.). Riyadh, KSA: Sāhib al-Sammiw al-Malikī al-Amir Sultān bin ‘Abd al-‘Azīz Alī Sa’ud.
- Ibn Kathīr, I. U. (1998). *Tafsīr Al-Qur’ān al-‘Azīm*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.



- Ibn Kathīr, I. U. (2004). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Riyadh, KSA: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2010). *al-Ṭib al-Nabawī*. M. M. Najib al-Kelantani (terj.). t.tp.: Klinik Muallij Islamiah.
- Idris, A. S. (1994). Secebis mengenai adat perpatih, nilai dan falsafahnya. Dlm. A. S. Idris et al. (Eds.). *Negeri Sembilan, Gemuk Dipupuk Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan & Kerajaan Negeri Sembilan.
- Iskandar, T. (2002). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karimullah, K. (2013). Hadīts sebagai landasan pembentukan tradisi Islami. *Al-Ihkam: Jurnal Hukum dan Pranata Sosial*, 6(1), 11-24.
- Kasimin, A. (2009). *Sihir suatu amalan kebatinan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kasimin, A., (1997). *Amalan sihir masyarakat Melayu: satu analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Mat Salleh, K. (1989). *Ijtihad-sejarah dan perkembangannya*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, Al-Rahmaniah.
- Miftahuddin, M., Zatrachadi, M. F., Suhaimi, S., & Darmawati, D. (2019). Tarekat Naqshabandiyah sebagai terapi gangguan mental (Studi di Desa Besilam Kabupaten Langkat Sumatera Utara). *Sosial Budaya*, 15(2), 77-82.
- Mohd. Salleh, N., Hj Shamsu, L. S., Usman, A. H., Wazir, R., Abdullah, F.R., Ismail, A. Z., & Burhanuddin, N. A. (2018). Living Hadis sebagai fenomena sosial budaya Indonesia: Satu sorotan literatur secara sistematik. *5th International Research Management & Innovation Conference 2018*, Putrajaya, 7 Ogos 2018: 1-16.
- Mohd. Salleh, N., Hj Shamsu, L. S., Wazir, R., Usman, A. H., Abdullah, M. F. R., Ismail, A. Z., & Burhanuddin, N. A. (2019). Penyalahgunaan Living Hadis dalam kalangan kelompok liberal: satu sorotan literatur secara sistematik. *HADIS*, 9(17), 65-78. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/57>.
- Mokhtar, N. R., & Sahad, M. N. (2014). Amalan 'PENDING' rumah bagi masyarakat Melayu Brunei: tinjauan dari perspektif akidah Islam. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 2(1), 35-43.
- Muhammad, R., Zahari, M. S. M., Ramly, A. S. M., & Ahmad, R. (2013). The Roles and symbolism of foods in Malay wedding ceremony. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 101, 268-276.
- Muslim, H. A. (t.th.). *Ṣaḥīḥ Muslim*. A. M. Shākir (Ed.). Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.
- Najaa' Mokhtar, A., Sidek, J. H., Mahyuddin, M. K., Zumrah, A. R., Ismail, M., Sabran, R., & Ghazali, M. R. (2018). Fenomena kepercayaan dan amalan masyarakat dalam perubatan Islam di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*, 1(2), 155-175.
- Norhuda, S. (2017). Ritual dan simbol dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Sekinchan, Selangor. (Unpublished Doctoral dissertation), University of Malaya.
- Othman, T. H., & Suzana, T. (2008). *Menjejak warisan Melayu Islam beraja menemukan kembali permata bangsa yang hilang susunan*. Kuala Lumpur: Media Satria.
- Pauzi, S. A., & Khairuddin, W. H. (2018). Trend dan sikap masyarakat terhadap makanan Sunnah. *Fikiran Masyarakat*, 6(3), 124-128.
- Qudsy, S. Z. (2016). Living Hadis: genealogi, teori, dan aplikasi. *Jurnal Living Hadis*, 1(1), 177-196.
- Ramli, M. A. (2006). Instrumen 'urf dan adat Melayu sebagai asas penetapan hukum semasa di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 253-289.
- Ruslān, A. (t.th.), *Matn al-Zubad fī al-Fiqh*. Semarang: Pustaka al-Alawiyah.
- Suliaman, H.I, Deraman, F., Abd Rahman, M. M., & Ali, A. K. (2007). *Autoriti hadis menangani gerakan antihadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syamsuddin, S. (2007). *Metodologi penelitian Living Qur'an dan Hadis*. Yogyakarta: TH Press & Penerbit Teras.
- al-Ṭabarānī, S. A. A. (1985). *al-Mu'jam al-Ṣaghīr*. M. S. M. al-Ḥāj Amrīr (Ed.). Beirut: Dār 'Ummar.
- al-Tibrīzī, M. A. K. (1985). *Mishkāt al-Maṣābīḥ*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Wan Mohamed Radzi, C. W. J. (2009). *Budaya pemakanan masyarakat Malaysia dari perspektif agama, polisi, sains dan teknologi dengan rujukan khusus kepada pengaruh Islam dalam penghasilan makanan*. (Unpublished Doctoral dissertation), University of Malaya.
- Yusof, M. Y., Abd Rahim, R. A., Hassan, P., & Abidin, M. Z. (2017). Beberapa aspek kearifan tempatan terhadap bahan alami yang digunakan dalam pengurusan jenazah rantau alam Melayu. *IDEALOGY*, 2(1), 14-25.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279

Vol. 11, No. 21 (June 2021)

Zakaria, N., Adel, M., & Mohamed, A. K. (2007). Pelajaran Sirah Rasul di Sekolah Rendah Agama (SRA): kajian teroka terhadap sukatan dan keberkesannya di daerah Sepang Selangor Darul Ehsan. *Laporan Penyelidikan, (PPP(L)2006)*, Universiti Sains Islam Malaysia.